

Kata Kunci:
Ithar
Murah
Beri



Majlis Ugama Islam Singapura
Khutbah Jumaat
10 April 2026 / 21 Syawal 1447H
Ithar – Kemuncak Sifat Berjiwa Besar

أَحْمَدُ لِلَّهِ الَّذِي هَدَانَا لِهَذَا وَمَا كُنَّا لِنَهْتَدِيَ لَوْلَا أَنْ هَدَانَا اللَّهُ. أَشْهَدُ أَنْ
لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.
اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا
عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ. أَوْصِي نَفْسِي وَإِيَّاكُمْ بِتَقْوَى اللَّهِ عَزَّ وَجَلَّ، فَقَدْ فَازَ
الْمُتَّقُونَ.

Zumratal mukminin rahimakumullah,

Marilah kita beristiqamah dalam ketakwaan kepada Allah s.w.t. Taatilah segala perintah-Nya dan jauhilah segala larangan-Nya. Semoga ketakwaan membimbing niat, tutur kata dan perbuatan kita ke arah kemuliaan dan kecemerlangan. Amin, ya Rabbal 'Alamin.

Sidang jemaah yang dirahmati Allah,

Apakah erti ithar? **Ithar** ialah sifat berjiwa besar, mendahulukan keperluan orang lain melebihi kepentingan diri sendiri. Ia merupakan kemuncak **kemurahan** hati, **memberi** walaupun diri

sendiri dalam keadaan memerlukan. Sifat ini kian terhakis dalam dunia yang sering mengutamakan kepentingan diri. Mujurlah Islam, agama yang kita anuti ini mengajarkan nilai *ithar*, nilai yang lebih mulia dan menjadi pakaian mukmin sejati sebagaimana dirakamkan dalam Surah al-Hashr, ayat 9:

وَالَّذِينَ تَبَوَّءُوا الدَّارَ وَالْإِيْمَانَ مِنْ قَبْلِهِمْ يُحِبُّونَ مَنْ هَاجَرَ إِلَيْهِمْ وَلَا يَجِدُونَ
فِي صُدُورِهِمْ حَاجَةً مِّمَّا أُوتُوا وَيُؤْتِرُونَ عَلَىٰ أَنْفُسِهِمْ وَلَوْ كَانَ بِهِمْ خَصَاصَةٌ
وَمَنْ يُوقِ شُحَّ نَفْسِهِ فَأُولَٰئِكَ هُمُ الْمُفْلِحُونَ ﴿٩﴾

Yang bermaksud: *“Dan mereka (Ansar) yang telah mendiami kota tersebut (Madinah) serta beriman sebelum kedatangan mereka (golongan Muhajirin), mereka mencintai orang yang berhijrah kepada mereka. Mereka tidak menaruh keinginan dalam hati terhadap apa yang **diberikan** (kepada golongan Muhajirin), bahkan mereka mengutamakan (golongan Muhajirin) atas diri mereka sendiri sekalipun mereka dalam kesusahan. Dan sesiapa yang dipelihara daripada sifat bakhil dirinya, maka merekalah orang-orang yang berjaya.”*

Allah memuliakan golongan Ansar yang berjaya mencapai kemuncak *ithar*. Kenapa demikian? Kerana golongan Ansar sentiasa memberikan keutamaan kepada golongan Muhajirin dalam banyak perkara, walaupun mereka sendiri dalam keadaan daif dan memerlukan. Mereka bukan sahaja

menawarkan tempat tinggal, bahkan berkongsi harta, rumah, makanan, tanah dan sumber kehidupan. Inilah sifat tidak mementingkan diri yang lahir daripada iman yang tulus dan kasih kerana Allah – sifat yang begitu mulia sehingga dirakamkan dalam Al-Quran. Persoalannya sekarang, bagaimanakah caranya agar kita juga boleh mencapai tahap kemuliaan ini?

Sidang hadirin sekalian,

Khutbah hari ini ingin menggariskan tiga panduan dalam menghayati **ithar**.

Pertama: Ithar bermula dengan menyuburkan empati

Ithar lahir daripada keupayaan merasai keadaan orang lain – memahami kesusahan dan keperluan mereka seolah-olah ia adalah keperluan kita sendiri. Apabila hati dipenuhi empati, sifat **ithar** akan hadir dengan sendirinya.

Rasulullah s.a.w. bersabda: *“Tidak sempurna iman seseorang kamu sehingga dia mencintai untuk saudaranya apa yang dia cintai untuk dirinya sendiri.”* (Riwayat al-Bukhari dan Muslim)

Apabila kita mula memikirkan situasi orang lain, kita menginginkan kebaikan, kemudahan dan keberkatan buat mereka sebagaimana kita inginkan untuk diri kita sendiri – di situlah bermulanya **ithar**.

Kedua: Mulakan ithar di rumah, kemudian luaskan kepada masyarakat

Tempat pertama dan utama untuk mengamalkan **ithar** ialah dalam keluarga. Di sinilah hubungan paling mencabar, tetapi juga paling besar ganjarannya. Akhlak sebenar terserlah melalui cara kita menyantuni orang yang terdekat.

Rasulullah s.a.w. bersabda: *“Sebaik-baik kamu adalah yang paling baik terhadap keluarganya, dan aku adalah yang terbaik terhadap keluargaku.”* (Riwayat Ibn Majah)

Ithar dalam keluarga boleh dizahirkan melalui amalan harian. Contohnya, dalam suasana Syawal ini, mungkin kita menawarkan hidangan kegemaran kita kepada anak-anak kecil yang ingin mencuba untuk pertama kalinya. Begitu juga sifat ringan tulang, bersedia membantu kerja rumah walaupun kita sendiri dalam keletihan, atau kesediaan mendengar luahan hati ahli keluarga walaupun dilanda kesibukan.

Ithar tidak berhenti di rumah. Pengamalannya perlu diluaskan sehingga menjadi norma masyarakat. Sebagaimana kita mengutamakan keluarga, kita juga perlu berusaha memudahkan jiran, rakan sekerja dan anggota masyarakat.

Contohnya, apabila kita menemui tempat letak kereta, tetapi terlihat pula warga emas atau ibu bapa dengan anak kecil sedang mencarinya. Secara spontan, sifat **ithar** akan memilih untuk **memberikan** ruang tersebut kepada mereka yang lebih memerlukan. **Ithar** bererti mengutamakan keperluan mereka berbanding keselesaan kita, walaupun ini bermakna kita perlu

berjalan lebih jauh. Pengorbanan yang nampak kecil ini adalah besar di sisi Allah.

Ithar juga menuntut kita melakukan perkara yang betul. Contohnya, meletakkan kenderaan di tempat yang dibenarkan, tidak menyusahkan orang lain dengan menghalang laluan atau mengambil hak mereka. Memilih untuk berjalan sedikit jauh demi mengelakkan kesulitan kepada orang lain juga adalah tanda keprihatinan dan kawalan diri.

Ketiga: Ikhlasikan niat dalam ithar

Cabaran terbesar **ithar** bukan pada sesuatu perbuatan, tetapi pada keikhlasan di sebalik perbuatan tersebut. Cabaran ini boleh bertambah berat lagi apabila sifat **ithar** kita tidak dihargai atau tidak dibalas dengan sewajarnya. Di sinilah syaitan akan membisikkan rasa ketidakpuasan hati!

Tuan-tuan, perhatikan firman Allah s.w.t. menggambarkan sikap orang yang ikhlas dalam Surah al-Insan, ayat 9, yang bermaksud: *“Sesungguhnya kami **memberi** kamu makan kerana Allah. Kami tidak mengharapkan daripada kamu sebarang balasan atau ucapan terima kasih.”*

Inilah sikap yang perlu kita tanam. Bersikap **ithar** kerana Allah semata-mata, tanpa mengharapkan penghargaan manusia. Sama ada dalam keluarga atau masyarakat – walaupun tidak dihargai – ia tidak seharusnya melemahkan semangat kita. Niat

kita mesti kekal tulus, hanya mengharapkan ganjaran daripada Allah s.w.t.

Sidang jemaah yang dirahmati Allah,

Marilah kita melatih diri untuk **memberi** dengan ikhlas, mendahulukan orang lain kerana Allah, serta mengamalkan **ithar** dalam kehidupan dan kita mulakan di dalam keluarga masing-masing. Semoga kita terus menemukan ketenangan, sama ada usaha kita dihargai atau tidak.

Mudah-mudahan Allah menjadikan kita dalam kalangan mereka yang berkata: “*Kami **memberi** kerana Allah,*” dan mengurniakan ganjaran atas usaha kita dalam menghayati sifat **ithar**. Amin, ya Rabbal ‘Alamin.

أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ
الرَّحِيمُ.

Khutbah Kedua

الْحَمْدُ لِلَّهِ حَمْدًا كَثِيرًا كَمَا أَمَرَ، وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ تَعَالَى فِيمَا أَمَرَ، وَانْتَهُوا عَمَّا نَهَى عَنْهُ وَزَجَرَ.

أَلَا صَلُّوا وَسَلِّمُوا عَلَى النَّبِيِّ الْمُصْطَفَى، فَقَدْ أَمَرَنَا اللَّهُ بِذَلِكَ حَيْثُ قَالَ فِي كِتَابِهِ الْعَزِيزِ: إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ.

وَارِضَ اللَّهُمَّ عَنِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ الْمُهَدِّينَ سَادَاتِنَا أَبِي بَكْرٍ وَعُمَرَ وَعُثْمَانَ وَعَلِيٍّ، وَعَنْ بَقِيَّةِ الصَّحَابَةِ وَالْقُرَابَةِ وَالتَّابِعِينَ، وَتَابِعِي التَّابِعِينَ، وَعَنَّا مَعَهُمْ وَفِيهِمْ بِرَحْمَتِكَ يَا رَحِيمَ الرَّاحِمِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، وَالْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ. اللَّهُمَّ ادْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالرُّلَازِلَ وَالْمِحْنَ، مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا بَطَنَ، عَنِ بَلَدِنَا خَاصَّةً، وَسَائِرِ الْبُلْدَانِ عَامَّةً، يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ. اللَّهُمَّ أَنْصُرْ إِخْوَانَنَا الْمُسْتَضْعِفِينَ فِي عَزَّةٍ وَفِي فِلِسْطِينَ وَفِي كُلِّ مَكَانٍ عَامَّةً، يَا رَحِيمَ الرَّاحِمِينَ. اللَّهُمَّ بَدِّلْ خَوْفَهُمْ أَمْنًا، وَحُزْنَهم فَرَحًا، وَهَمَّهُمْ فَرَجًا، يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ. اللَّهُمَّ اكْتُبِ السَّلَامَ وَالسَّلَامَ وَالْأَمْنَ وَالْأَمَانَ لِلْعَالَمِ كُلِّهِ

وَلِلنَّاسِ أَجْمَعِينَ. رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً، وَفِي الآخِرَةِ حَسَنَةً، وَقِنَا عَذَابَ
النَّارِ.

عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يُأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَى، وَيَنْهَى عَنِ
الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ، يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ، فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ
يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوا عَلَى نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ، وَلَا تَكْفُرُوا
اللَّهُ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.